

SUBANG, 29 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, DASAR LIBERAL YANG DIAMALKAN SEKARANG TIDAK SEHARUSNYA DIJADIKAN LESEN ATAU PERMIT UNTUK BERBUAT APA SAHAJA SEHINGGA KETENTERAMAN NEGARA TERANCAM.

KATANYA, KERAJAAN MAHU MENERUSKAN DASAR LIBERAL TETAPI IA PERLU MEMASTIKAN LIBERALISME TIDAK DISALAHTAFSIR DAN KEBEBASAN TIDAK DISALAHGUNAKAN.

KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC KE-35 DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, JIKALAU KETENTERAMAN NEGARA TERANCAM SUDAH PASTI KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA USAHA MEMULIHKAN KETENTERAMAN DAN BUKANNYA KEPADA DASAR LIBERAL.

BELIAU BERKATA, ADA GOLONGAN YANG BERPENDAPAT BAHAWA KERAJAAN SEKARANG LEMAH DAN BOLEH DIPERMAINKAN SEHINGGA RAMAI YANG MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA KEBEBASAN YANG DIBERIKAN UNTUK MENIMBULKAN PERKARA YANG SENSITIF MALAH PERLEMBAGAAN JUGA DICABUL BERKALI-KALI TANPA MENERIMA TINDAKAN KERAJAAN.

KATANYA, JIKA RAKYAT MENGHARGAI LIBERALISME, RAKYAT MESTI-PANDAI MENGHARGAI KEBEBASAN YANG DIBERIKAN. -- LAGI
1356MST 29 08 87

D559

B 8437 DEB
MAHATHIR - LIBERAL 2 SUBANG

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA, KEBANYAKAN RAKYAT SUDAH BIJAK DAN PANDAI MENGELAK DARIPADA TUDUHAN MENCABULI UNDANG-UNDANG DAN LEBIH BURUK LAGI ADA YANG SUDAH PANDAI MENGGUNAKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MENGELAKKAN DARIPADA TINDAKAN UNDANG-UNDANG.

ADA YANG MENUNTUT KEDAULATAN UNDANG-UNDANG TETAPI ORANG YANG SAMA YANG MENIDAKKANNYA DENGAN MENGGUNAKAN KEPINTARAN MEREKA MEMPERALATKAN UNDANG-UNDANG, TAMBAH BELIAU.

MENGENAI PERPADUAN, PERDANA MENTERI BERKATA, SEJAK AKHIR-AKHIR INI KEADAAN SUDAH BERUBAH APABILA SESETENGAH PEMIMPIN BARISAN NASIONAL SUKA BERLAGAK SEBAGAI HERO UNTUK MENDAPAT SOKONGAN ANGGOTA PARTI DAN KUMPULAN TERTENTU UNTUK KEPENTINGAN DIRI TANPA MENGAMBIL KIRA KESAN TERHADAP BN DAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA: +DALAM NEGARA BERBILANG KAUM DENGAN PARTI CAMPURAN KAUM SEPERTI BARISAN NASIONAL, KITA TIDAK BOLEH MENJADI HERO KAUM JIKA MENJEJASKAN IMEJ KITA SEBAGAI PEMIMPIN KEPADA SEMUA RAKYAT+.

+KETIKA MENJAGA KEPENTINGAN KAUM SENDIRI, JANGANLAH MEREKA MUDAH TERSINGGUNG DENGAN PERKARA YANG REMEH TEMEH,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI.
1358MST 29 08 87

D560

B 8438 DEB
MAHATHIR - LIBERAL 3 SUBANG

PERDANA MENTERI BERKATA, PERKARA-PERKARA KECIL YANG INGIN DIKETENGAHKAN PERLU MELALUI SALURAN TERTENTU DI DALAM BN TANPA DIHEBOH-HEBOHKAN.

KATANYA, SATU DARIPADA SEBAB YANG MENGGAGALKAN KESEIMBANGAN ANTARA KAUM IALAH KERANA TERDAPATNYA PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG BEGITU ASYIK DENGAN +SIMBOLISME YANG TIDAK ADA ISINYA+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MASA DAN TENAGA MEREKA DISIA-SIAKAN DENGAN MEMPERJUANGKAN SIMBOL-SIMBOL YANG SENGAJA DICIPTA SEMENTARA PERJUANGAN YANG SEBENARNYA TIDAK DIBERI PERHATIAN.

MENURUT BELIAU, SEBARANG MASALAH ANTARA PEMIMPIN BN ATAU KAUM DI NEGARA INI AKAN DAPAT DISELESAIKAN DENGAN KESABARAN DAN DENGAN CARA YANG TIDAK MENAMBAHKAN LAGI KERUMITAN KEPADA MASALAH YANG DIHADAPI.

BELIAU BERKATA, SEMUA PIHAK HARUS INGAT BAHAWA PENYELESAIAN TERBAIK MERUPAKAN PENYELESAIAN YANG TIDAK MEMENUHI SEPENUHNYA TUNTUTAN MANA-MANA PIHAK YANG TERLIBAT. -- LAGI.
1400MST 29 08 87

D562

B 8439 DEB
MAHATHIR - LIBERAL 4 SUBANG

SALAH SATU TUGAS UTAMA KERAJAAN PADA WAKTU INI IALAH PEMULIHAN DAN PEMBANGUNAN EKONOMI DAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU, NEGARA PERLUKAN KESTABILAN POLITIK.

BAGAIMANAPUN, SESETENGAH PIHAK CUBA MENGAMBIL KESEMPATAN DENGAN MENCABAR KERAJAAN KETIKA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MEMUPUK KESTABILAN POLITIK DAN MEMULIHKAN EKONOMI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, GOLONGAN INI LUPA BAHAWA SUNGGUHPUN PELBAGAI MASALAH MELANDA NEGARA PADA TAHUN LEPAS, BN MASIH DAPAT MENGEKALKAN PEMERINTAHANNYA.

MENURUTNYA, BN TIDAK MUDAH TEWAS KEPADA TAKTIK MEMPERKECILKAN SUARA RAKYAT DAN RAKYAT NEGARA INI TIDAK RELA DEMOKRASI DIHAPUS DAN DIGANTIKAN PEMERINTAHAN OLIGARKI. -- BERNAMA.
1403MST 29 08 87